



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 02/2015

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7600 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine.gov.my Website: <http://www.marine.gov.my>

PEMBERIAN ANUGERAH PELAUT SEMPENA HARI PELAUT 2015

AWARD OF SEAFARER RECOGNITION DURING SEAFARERS DAY 2015

Nota kepada Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan, Nakhoda Kapal dan Pelaut

Note to Ship Owners, Shipping Companies, Ship's Masters and Seafarers.

Kaedah-Kaedah Perkapalan Saudagar (KumpulanWang Pusat Perdagangan Laut) 1984 adalah dirujuk.

Merchant Shipping (Central Mercantile Marine Fund) Rules 1984 is referred

Dimaklumkan Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPPL) akan meraikan Sambutan Hari Pelaut pada 25 Jun 2015 di Pusat Pelaut, Port Klang

Please be informed that the Central Mercantile Marine Fund will be celebrating the Day of the Seafarer on the 25th June 2015 at Pusat Pelaut Port Klang.

2. Tema sambutan pada tahun ini masih belum dikenalpasti. Walaubagaimanapun ianya menumpukan kepada pendidikan bidang kelautan.

2. The theme for this year has not been identified by IMO as yet. However, it is focussing towards maritime education.

3. Berdasarkan objektif Hari Pelaut, KWPPPL akan memberi penganugerahan kepada pelaut mengikut kategori berikut :

3. In line with the objective of the Day of the Seafarer, the CMMF will be giving recognition to seafarers in the following categories:

- a. Pelaut yang paling lama berkhidmat
- b. Pelaut paling tua yang berkhidmat
- c. Jumlah pelaut yang paling ramai dalam sebuah keluarga.

- a. *Longest serving seafarer*
- b. *Most senior seafarer*
- c. *Most number of seafarers in a family.*

4. Syarat-syarat kelayakan penerima anugerah diatas adalah seperti di Lampiran 1

4. The criteria for the above recognition is as per Appendix 1.

5. Permohonan yang memenuhi syarat-syarat di para 4 hendaklah sampai di alamat berikut sebelum 06 Jun 2015.

Pengerusi,
Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut
Jabatan Laut Malaysia,
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007 Pelabuhan Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
(UP: Ketua Penolong Pengarah
Unit Pembangunan Pelaut)

5. Eligible applications as required under paragraph 4 shall reach at the following address nor later than 06th June 2015

*Chairman,
Central Merchantile Marine Fund
Marine Department Malaysia,
P.O. Box 12, Foreshore Road,
42007 Port Klang,
Selangor Darul Ehsan.
(Attn: Principal Assistant Director
Seafarers Development Unit)*

Ketua Pengarah Laut

Tarikh: 21 April 2015

**NMPM 02/2015 / MIGN 02/2015
LAMPIRAN 1/ APPENDIX 1**

KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN 02/2015.

CRITERIA FOR SELECTING AWARDS AS IDENTIFIED IN MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTES 02/2015.

Anugerah ini akan hanya diberikan kepada pelaut Malaysia yang telah berdaftar dibawah Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut. Anugerah ini diberikan didalam bentuk pemberian Pingat dan sijil penghargaan.

The following awards is only awarded to Malaysian seafarers who have been registered with the Central Mercantile Marine Fund. The Award is given in the form of a medal and a certificate citing the nature of the award.

JENIS - JENIS ANUGERAH

TYPE OF AWARD

Perkhidmatan pelaut paling lama

Longest serving seafarer

- (i) Perkhidmatan pelaut paling lama adalah kepada pelaut yang mempunyai bukti perkhidmatan yang paling lama di atas kapal dagang. Pelaut tidak perlu menunjukkan bukti yang pelaut tersebut masih sedang berkhidmat.
- (ii) Pelaut dikehendaki untuk memberi salinan buku perkhidmatan atau lain-lain rekod yang berkaitan untuk mengira jumlah perkhidmatan di laut.

- (i) *The longest serving seafarer shall be a seafarer who has served onboard commercial ships for the longest accumulated period. Eligible seafarers are not required to be active seafarers.*
- (ii) *Copies of the discharge book or other relevant records to show the total sea time of the seafarer shall be attached.*

Pelaut yang paling lama berkhidmat

Most Senior Seafarer

- (i) Pelaut tertua yang pernah berkhidmat diatas kapal akan dianugerahkan pelaut yang paling tua berkhidmat diatas kapal.
- (ii) Salinan buku perkhidmatan

- (i) *The most senior seafarer award will be awarded to the seafarer who is the oldest whilst engaged on board ships.*
- (ii) *Copies of the discharge book*

pelaut (mukasurat terakhir) disertakan bersama-sama dengan kad pelaut dan kad pengenalan pelaut.

(latest entry in the book) along with the Seafarer's Identification card shall be attached.

Pelaut yang paling ramai dalam sebuah keluarga

Most Number of seafarers in a Family

- (i) Keluarga yang mempunyai ramai ahli keluarga yang bekerja sebagai pelaut, maksud keluarga ialah yang mempunyai pertalian darah. Ini adalah termasuk nenek, datuk, ayah, ibu, anak lelaki atau anak perempuan.
- (ii) Bapa saudara, ibu saudara, sepupu lelaki, sepupu perempuan tidak dikategorikan sebagai sebuah keluarga. Salinan bagi setiap satu buku perkhidmatan pelaut, kad pelaut dan ringkasan hubungan

- (i) *For the most number of seafarers in a family, a family is defined as that being of the first blood. This includes grandfather, father, mother, sons and daughter*
- (ii) *Uncles, aunties, nephews, nieces or cousins will not be construed as a family. Copies of each of the Seaman's discharge book, seaman card and a brief summary of the relationship of each of the attached family members.*

Proses pemilihan

Process of selection

Permohonan yang telah diterima akan dinilai oleh satu panel yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah Unit Pembangunan Pelaut, Hal Ehwal Pelaut Dan Pelabuhan.

Nominations received are scrutinized by an Assessment Panel headed by the Chief Assistant Director of the Seafarers Development Unit, Seafarers and Port Affairs Division.

Seterusnya, permohonan yang berjaya akan dinilai oleh satu panel penilaian yang telah dilantik oleh Pengerusi Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut bagi maksud penerimaan anugerah.

Subsequently a panel of judges appointed by the Chairman of the Central Mercantile Fund will consider the recommendations of the Assessment Panel and to select the recipient of the Award.